

- 1 Antara berikut, apakah tujuan perniagaan Organisasi Bermotifkan Untung?
- A Menjual barangan secara bawah kos
  - B Meningkatkan perkhidmatan di sesuatu tempat
  - C Memenuhi permintaan pengguna industri
  - D Memenuhi keperluan awam
- 2 Apakah bentuk milikan perniagaan yang memerlukan kebenaran pemilik asal apabila hendak menjalankan perniagaan?
- A Perkongsian
  - B Francais
  - C Syarikat Berhad
  - D Syarikat Awam Berhad
- 3 Manakah perbezaan paling tepat antara syarikat Perkongsian dengan Perkongsian Liabiliti Terhad?
- A Bilangan ahli 1 hingga 20
  - B Membayar cukai syarikat
  - C Menjual saham dalam kalangan ahli sahaja
  - D Liabiliti terhad
- 4 Gambar 1 berkaitan sebuah syarikat.



**Gambar 1**

Apakah klasifikasi perniagaan tersebut?

- A Skala kebangsaan
- B Skala negeri
- C Sektor ketiga
- D Sektor utama

5 Pernyataan berkaitan sebuah perniagaan.

Spa Miracle Wahyu menjalankan perniagaan di bandar Kulai dengan pekerja seramai 30 orang. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah *medicure pedicure* dan mandian wap.

Apakah saiz perniagaan di atas?

- A Kecil
  - B Sederhana
  - C Besar
  - D Tempatan
- 6 Antara langkah berikut, manakah langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah pengangguran bermusim?
- A Memberi insentif kepada perniagaan
  - B Melaksanakan dasar fiskal
  - C Kerajaan perlu peka dengan perubahan global
  - D Galakan penggunaan mesin dalam pengeluaran
- 7 Mengapakah berlaku inflasi dalam kitaran ekonomi?
- A Rakyat meramal kejatuhan harga barang
  - B Rakyat kurang berkemampuan
  - C Kenaikan kos pengeluaran
  - D Kejatuhan permintaan barang

- 8 Pernyataan berikut berkaitan langkah kerajaan dalam menghadapi masalah ekonomi.



- Apabila berlaku wabak penyakit di dalam sebuah negara, apakah trend semasa perniagaan?
- A Mendatar
  - B Menjunam
  - C Menurun
  - D Meleset
- 9 Jadual 1 berkaitan jualan perniagaan Ayeromboon.


Bulan	Januari	Mac	April
Jualan (RM)	5000	5010	4999

**Jadual 1**

Mengapakah berlaku trend jualan seperti itu dalam sesebuah perniagaan?

- A Kenaikan harga barang
- B Penurunan harga barang
- C Manipulasi pelaburan
- D Tiada pembaharuan produk

- 10 Manakah antara berikut yang akan mempengaruhi perbelanjaan pengguna dan aktiviti pelaburan?
- A Dasar kewangan
  - B Dasar fiskal
  - C Dasar ekonomi
  - D Dasar kerajaan
- 11 Rajah 1 berkaitan faktor dalam sesebuah perniagaan.



**Rajah 1**

Apakah grid gaya pengurusan yang akan menyebabkan pekerja tidak berpuas hati dengan pihak pengurusan?

- A Sokongan
- B Autokratik
- C Sederhana
- D *Laissez - Faire*

- 12 Manakah langkah yang digunakan perniagaan bagi menangani masalah pekerja yang tidak bermotivasi sepanjang proses perniagaan?
- A Kaunseling
  - B Bayaran SOCSO
  - C Penyediaan klinik panel
  - D Hubungan Industri
- 13 Gambar 2 menunjukkan kontrak jualan.



**Gambar 2**

Kontrak jualan antara penjual dan pembeli amat penting bagi mengelakkan penipuan oleh mana-mana pihak.

Apakah faktor luaran perniagaan berkaitan pernyataan itu?

- A Pemasaran
- B Undang-undang
- C Politik
- D Sosiobudaya

14 Pernyataan berkaitan objektif perniagaan.

Bagi mencapai objektif perniagaan, organisasi perlu mengurus semua sumber dengan optimum dan mencukupi.

Apakah ciri objektif perniagaan yang tepat bagi pernyataan di atas?

- A Munasabah
  - B Spesifik
  - C Boleh ukur
  - D Boleh capai
- 15 Apakah keperluan bagi pihak bawahan untuk memahami visi, misi dan objektif perniagaan?
- A Mengira titik pulang modal
  - B Memaksimumkan keuntungan
  - C Memastikan pertumbuhan perniagaan
  - D Memahami hala tuju perniagaan
- 16 Apabila keuntungan perniagaan tidak berkembang, apakah perubahan yang boleh dilakukan kepada visi dan misi syarikat?
- A Menarik pelabur baharu
  - B Mengetatkan syarat pinjaman
  - C Menambah rakan strategik perniagaan
  - D Mencari pembekal baharu
- 17 Mengapakah kawalan awalan amat penting dalam proses pengeluaran?
- A Kawalan pencegahan pengeluaran tidak berkualiti
  - B Kawalan pengesanan kesilapan pengeluaran
  - C Pembetulan pengeluaran dengan segera
  - D Kawalan standard piawai produk

18 Pernyataan berkaitan fungsian perniagaan.

Ali telah membeli barangan secara online pada tiga minggu lepas. Sehingga kini beliau belum menerima produk yang dijanjikan penjual.

Di manakah fungsian yang tidak berkesan dalam proses jualan itu?

- A Jualan
- B Pemasaran
- C Pengangkutan
- D Pengagihan

19 Bagaimanakah teknologi maklumat membantu perniagaan Muthu Cleaning Servis?

- I Menyediakan perakaunan perniagaan
- II Memotivaskan kehadiran pekerja
- III Melancarkan penghantaran servis
- IV Membuat jualan yang meluas

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

20 Apakah hubungan antara syarikat kecil dengan syarikat besar dalam fungsian kewangan?

- I Penghantaran nota debit
- II Penghantaran invois setelah menerima barang
- III Perkongsian akaun syarika
- IV Menerima resit jualan setelah berlaku pembelian

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

21. Pernyataan manakah menerangkan dengan tepat maksud pengurusan sumber manusia.
- Satu usaha mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu
  - Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi
  - Satu bentuk pendekatan dan cara mengurus pekerja sesebuah organisasi secara cekap
  - Satu usaha pembangunan tenaga kerja secara strategik untuk mencapai matlamat organisasi
22. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Encik Fateh, Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Melor Sdn. Bhd. telah mengeluarkan notis kepada semua pekerja untuk memakai pelitup muka dan mengamalkan jarak fizikal mulai 1 Januari 2021.

Apakah aspek pengelolaan yang diamalkan oleh Encik Fateh?

- Penyelesaian masalah
  - Penghargaan dan hukuman
  - Penempatan pekerja dan fasiliti
  - Standard prosedur operasi tugas
23. Perbualan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkerjaan.

Soffea : Temuduga saya di Bank Impian Bhd. semalam gagal kerana saya baharu sahaja menerima diploma perbankan di UUM.

Salsabila : Kalau begitu, cuba memohon kerja di tempat kerja saya di Anggerik Bank Bhd. Kami memerlukan tenaga kerja yang baharu saja tamat pengajian.

Apakah kemahiran kebolehkerjaan yang diperlukan oleh kedua-dua bank tersebut?

	<b>Bank Impian Bhd</b>	<b>Anggerik Bank Bhd</b>
A	Kelayakan	Pengetahuan produk
B	Pengalaman	Kelayakan
C	Pengetahuan produk	Keberkesanan capai sasaran
D	Keberkesanan capai sasaran	Pengalaman

[Lihat halaman sebelah  
SULIT



24. Pengurusan sumber teknologi dalam operasi sesebuah perniagaan adalah bertujuan untuk
- A. Mengurus harta intelek
  - B. Menjaga nama baik perniagaan
  - C. Menyelenggara peralatan mesin
  - D. Melindungi keselamatan para pekerja
25. Mengapakah Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) harus menguruskan makmal ujian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan baik?
- A. Mencegah daripada ancaman cetak rompak
  - B. Menghasilkan keuntungan jangka masa yang singkat
  - C. Mengelakkan kerugian akibat suatu risiko yang boleh diinsuranskan
  - D. Memudahkan pengurusan sumber manusia dan sumber bukan manusia
26. Gambar 3 menunjukkan poster pelancaran produk keluaran di Malaysia.



Gambar 3

Bagaimanakah cara syarikat tersebut melindungi produk mereka?

- A. Mendaftar paten hasil filem mereka
- B. Mendaftar filem dengan pendaftar syarikat
- C. Mendaftar filem di bawah Akta Perfileman 2016
- D. Mendaftar filem di bawah Akta Hak Cipta 1987

27. Berikut merupakan maklumat daripada sebuah agensi.

- Tidak menawarkan pinjaman
- Memberi jaminan agar pengusaha boleh diberi pinjaman
- Memantau perniagaan yang dikendalikan oleh pengusaha

Namakan agensi kerajaan yang mempunyai ciri-ciri di atas.

- A. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- B. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC)
- C. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- D. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

28. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sumber pembiayaan dalaman?

- I Modal terhad
  - II Urusan pembiayaan cepat dan ringkas
  - III Tertakluk kepada terma dan syarat tertentu
  - IV Modal yang banyak boleh diperolehi dengan mudah
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

29. Pilih susunan yang tepat berkaitan proses memohon sumber pembiayaan luaran.
- I Menyediakan dokumen yang lengkap
  - II Mendapatkan khidmat nasihat pegawai institusi kewangan
  - III Menandatangani kontrak dengan institusi kewangan
  - IV Menyediakan rancangan perniagaan
- A. I, IV, II, III
  - B. III, IV, I, II
  - C. IV, II, I, III
  - D. II, IV, I, III
30. Penyata Kunci Kira-kira membawa maksud
- A. Penyata yang menunjukkan keuntungan atau kerugian yang diperoleh perniagaan bagi suatu tempoh tertentu
  - B. Penyata berbentuk laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan bagi suatu tempoh tertentu
  - C. Penyata yang menunjukkan ekuiti pemilik, aset dan liabiliti perniagaan bagi suatu tempoh tertentu
  - D. Penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan dana bagi suatu tempoh tertentu
31. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada kepentingan penyata kewangan kepada pembekal?
- A. Meyakinkan pihak tertentu untuk melabur dalam perniagaan
  - B. Mengetahui keuntungan perniagaan dan bakal pulangan yang diperoleh
  - C. Menilai prestasi perniagaan dan menjadi garis panduan untuk perancangan pengagihan sumber yang berkesan
  - D. Menilai keupayaan dan kecekapan sesuatu perniagaan dalam pengurusan hutang sebelum memberi kredit kepada perniagaan tersebut

32. Apakah nisbah yang menunjukkan kemampuan perniagaan menjelaskan liabiliti jangka pendek?
- A. Nisbah Untung
  - B. Nisbah Semasa
  - C. Nisbah Bukan Semasa
  - D. Peratusan Untung Tokokan
33. Berikut adalah maklumat kewangan Syarikat Alyssa Avelyn Berhad bagi tahun berakhir 2020.

Butiran	RM
Untung Kasar	50 000
Untung bersih	60 000
Modal awal	240 000
Modal akhir	325 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal bagi syarikat tersebut?

- A. 25.0 %
  - B. 15.3 %
  - C. 12.0 %
  - D. 9.2 %
34. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Cheng.

Encik Cheng adalah seorang pengusaha kebun tembikai. Beliau telah menambah baik satu alat sedia ada untuk menyemai biji benih dengan cepat dan mudah.

Apakah ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Chan?

- A. Kreatif
- B. Inovatif
- C. Berpandangan jauh
- D. Berani mengambil risiko

35. Antara berikut, yang manakah keberuntungan perniagaan kepada usahawan?
- I Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
  - II Mendapat sumber manusia yang pakar dan berpengalaman
  - III Melaksanakan tanggungjawab sosial
  - IV Sumber pendapatan diri dan keluarga
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
36. Perniagaan manakah yang perlu didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A. Gernerlapan Berhad
  - B. Klinik Kanak-kanak Bella & Alice
  - C. Syarikat Amanda Armada Sdn. Bhd
  - D. Perniagaan Top Ten Plus PLT

37. Dokumen 1 disimpan oleh Kedai Alat Tulis Borhan untuk tujuan perekodan.

<p>Dokumen X</p> <p><b>Kedai Alat Tulis Sopian</b></p> <p>No. 12, Jalan Desa Impian 1, Bandar Tenggara, 81440 Kota Tinggi, Johor 07-896 9999</p> <p>Tarikh : 25 September 2021 Kepada : Pengurus Akaun</p> <p>Pemilik mengeluarkan wang tunai sebanyak RM 250 untuk kegunaan peribadi.</p> <p style="text-align: right;"><i>Sopian.</i> ( Pengurus )</p>
--

**Dokumen 1**

Tentukan jenis dokumen dan pengelasan bagi dokumen tersebut.

	Dokumen	Pengelasan
A	Bil Tunai	Rekod kos operasi
B	Memo	Rekod ambilan
C	Baucer pembayaran	Rekod kos operasi
D	Resit	Rekod transaksi bank

38. Apakah maksud pemasaran?
- A. Kaedah berkesan bagi menyalurkan produk
  - B. Aktiviti pertukaran hak milik sesuatu produk
  - C. Bayaran yang perlu dibayar untuk memiliki produk
  - D. Memilih tempat yang sesuai untuk memasarkan produk

39. Rancangan perniagaan merujuk kepada
- A. Dokumen yang menentukan matlamat dan sasaran perniagaan
  - B. Dokumen yang menjelaskan maklumat asas berkaitan perniagaan yang dijalankan
  - C. Satu dokumen yang memberi gambaran ringkas yang spesifik berkaitan keseluruhan perniagaan
  - D. Satu dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan secara menyeluruh dan terperinci
40. Semua pernyataan di bawah berkaitan dengan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan **kecuali**
- A. Merancang keperluan sumber perniagaan
  - B. Meyakinkan pihak bank atau pelabur
  - C. Memberi gambaran berdaya saing sesebuah perniagaan
  - D. Mengekalkan kesetiaan pelanggan terhadap produk

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT